



BERGAYA...
pemain KKK
bergambar
sebelum
perlawanan
bermula,
semalam.

UTHM hebat

Muncul 'kuasa baru' bola sepak Liga IPT

UNIVERSITI Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) muncul 'kuasa baru' bola sepak Liga Institusi Pengajian Tinggi (IPT) apabila menduduki tangga teratas Divisyen 1 selepas menang selesa 2-0 ke atas UiTM Sarawak di Lundu, semalam.

Namun kedudukan ini terpaksa dikongsi bersama UiTM Shah Alam dan Politeknik Kota Bharu (PKB) dengan masing-masing empat mata tetapi dibezakan

dengan kelebihan jaringan.

UiTM Shah Alam, juara bertahan yang membuka tirai dengan cemerlang mewaskan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) 2-0, di tempat kedua selepas seri 1-1 menentang Kolej Komuniti Kedah (KKK) di Jitra, kemarin.

UKM yang ditangani bekas pemain Kuala Lumpur, Mohd Farid Dewan, bangkit daripada kekalahan pertama apabila membelasah Kolej Komuniti Pulau Pinang 5-0.

Sementara Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang menentang PKB di tempat seridiri, berkesudahan hambar tanpa jaringan.

Mengulas kejayaan kelmarin, pengurus pasukan UTHM, Jasnidzam Sami berkata, pihaknya agak 'terkejut' penguasaan awal mereka.

"Kedudukan ini pastinya membangkitkan semangat pemain yang terdiri hampir semua pelajar baru, melakar banyak lagi kemenangan selepas ini," katanya.